



SIARAN MEDIA

UNIT PENYELARASAN LONJAKAN PRESTASI (PACU) PEJABAT PERDANA MENTERI

PROGRAM MADANI RAKYAT 2025 MELAKA

‘ASPIRASI MADANI, MENJAMIN PERTAHANAN DAN KEDAULATAN NEGARA’

UNTUK SIARAN SEGERA
2 OKTOBER 2025

Selepas kejayaan penganjuran di tujuh lokasi yang mencatat kehadiran lebih sejuta rakyat, **Program MADANI Rakyat (PMR) 2025** kini menuju ke destinasi terakhirnya iaitu negeri Melaka. **Politeknik Merlimau, Melaka**, telah dipilih sebagai lokasi penganjuran dari **17 hingga 19 Oktober 2025**.

Program berskala nasional ini merupakan inisiatif Pejabat Perdana Menteri (PMO) melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) selaku sekretariat induk, dengan kerjasama strategik **Kementerian Pertahanan (MINDEF)** serta **Kerajaan Negeri Melaka** selaku penganjur bersama.

Mengangkat tema ‘**Aspirasi MADANI, Menjamin Pertahanan dan Kedaulatan Negara**’, PMR 2025 edisi Melaka menegaskan komitmen mempertahankan tanah air melalui prinsip Pertahanan Menyeluruh (HANRUH), Pertahanan Bersama dan pendekatan *Whole of Government*, *Whole of Society (WoGoS)*. Prinsip ini bukan sahaja tertumpu kepada aspek ketenteraan, tetapi juga kesejahteraan, daya tahan dan solidariti rakyat berlandaskan enam teras Malaysia MADANI.

Pemilihan Melaka sebagai lokasi PMR 2025 turut mengambil kira reputasinya sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Melaka bukan sahaja terkenal dengan warisan dan budaya, malah turut menonjol sebagai negeri yang progresif melalui kekayaan inovasi, kemajuan teknologi serta penekanan terhadap kesejahteraan rakyat seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sebagai lokasi penutup siri PMR 2025, **edisi Melaka bakal tampil dengan pengisian yang lebih segar, inklusif dan bersasar**, memberi fokus kepada keperluan komuniti setempat. Antara tarikan utama termasuklah reruai perkhidmatan kerajaan Persekutuan dan Negeri, inisiatif kesejahteraan komuniti, Jualan MADANI, tawaran diskaun saman trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM), perkhidmatan kesihatan percuma, tawaran peluang pekerjaan, program pertukaran topi keledar percuma oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), pameran ketenteraan, pertunjukan payung terjun, konsert yang menampilkan barisan artis popular tanah air, kenduri rakyat dan *petting zoo*.

Selain sebagai platform penyampaian perkhidmatan, PMR 2025 Melaka turut menjadi wadah kebersamaan yang **merapatkan hubungan erat antara rakyat dan kerajaan**. Selaras dengan semangat tersebut, **YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri**, dijadualkan menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan pada **19 Oktober 2025 (Ahad)**, bersama barisan pimpinan tertinggi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Penganjuran di Melaka ini menandakan penutup siri PMR 2025 yang telah menyantuni lebih sejuta rakyat di seluruh negara, menjadi satu manifestasi komitmen kerajaan membawa perkhidmatan terus ke pintu rakyat. Orang ramai **dijemput hadir** bagi memanfaatkan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan serta menyertai aktiviti menarik sepanjang program ini. Program akan berlangsung dari **pukul 9.00 pagi hingga 11.00 malam pada hari Jumaat dan Sabtu**, manakala pada hari **Ahad dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang**. Jumpa anda di sana!

**Sekretariat
Program MADANI Rakyat 2025**

